

P.U.(A) 475/2012

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN JADUAL 2) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 380(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 2) 2012**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2012.

Pindaan Jadual 2

2. Bahagian 2 Jadual 2 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 3 dengan perenggan yang berikut:

“3. “Pengurusan kumpulan wang” ertinya mengaku janji bagi pihak mana-mana orang lain untuk menguruskan—

- (a) suatu portfolio sekuriti atau derivatif atau gabungan kedua-duanya, oleh pengurus kumpulan wang portfolio, sama ada atas kuasa budi bicara atau selainnya; atau
- (b) suatu aset atau kelas aset dalam suatu skim unit amanah oleh pengurus kumpulan wang aset.”.

Dibuat 27 Disember 2012

[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1 Jld.8 ; PN(PU²)662/VII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH

Menteri Kewangan Kedua